

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 111

**ORANG-ORANG YANG DERHAKA DAN
BERBAHAYA**

PENYUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran pendek
 2. Menangkap dan menyingkirkan orang-orang yang derhaka dan berbahaya. Sekatan ke atas pergerakan
 3. Kuasa Menteri untuk memerintahkan jaminan bagi mematuhi syarat-syarat
-

**AKTA ORANG-ORANG YANG DERHAKA DAN
BERBAHAYA**

10 tahun
1953
S. 99/59

Suatu Akta untuk memperuntukkan bagi penyingkiran ke, dan pengasingan dalam, kawasan-kawasan yang tertentu bagi orang-orang yang derhaka dan berbahaya.

Permulaan kuatkuasa : 29hb Julai 1953

Gelaran
pendek

Menangkap
dan
menyingkir-
kan orang-
orang
yang derhaka
dan
berbahaya.
Sekatan
ke atas
pergerakan

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Orang-Orang Yang Derhaka dan Berbahaya.

2. (1) Bila-bila masa jika nampaknya kepada Menteri dalam keterangan bertulis dari Pesuruhjaya Polis bahawa ada terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa adalah perlu untuk keamanan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam supaya suatu waran dikeluarkan di bawah ceraian (2) dari bab ini berhubung dengan mana-mana orang, dia boleh mengeluarkan suatu waran pada keseluruhannya dalam bentuk Jadual kepada ini, dan hendaklah menyebabkan orang tersebut untuk dibawa di hadapannya dan hendaklah sesudah itu memeriksa orang tersebut dan mencatat secara bertulis mana-mana pernyataan yang dibuat oleh orang tersebut.

(2) Setelah memeriksa mana-mana orang, dan mencatat sebarang pernyataan yang dia mungkin ingin membuat, sebagaimana yang diperuntukkan oleh ceraian (1), dan dalam membuat siasatan sedemikian yang difikirkannya perlu, adalah sah bagi Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat, dengan waran yang ditandatanganinya untuk memerintah, menurut syarat-syarat dan selama tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut, penyingkiran ke mana-mana kawasan yang mungkin ditentukan dalam waran tersebut, dan untuk menyekat pergerakan di luar had-had kawasan tersebut, bagi orang sedemikian jika

dia mempercayainya sebagai derhaka atau sebaliknya berbahaya kepada keamanan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam, dan atas pengeluaran dan menurut kuasa waran tersebut orang sedemikian boleh ditangkap dan disingkirkan dalam jagaan ke kawasan yang ditentukan dalam waran tersebut.

(3) Sesiapa jua berhubung dengan mana suatu waran telah dikeluarkan di bawah ceraian (2) yang keluar melimpasi had-had yang ditentukan dalam waran tersebut tanpa kebenaran seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri bagi maksud itu, atau gagal untuk mematuhi syarat-syarat dalam mana waran tersebut telah dikeluarkan atau kebenaran sedemikian diberikan, boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis, dan adalah bersalah : Hukuman, denda \$8,000 dan penjara selama 12 bulan.

3. (1) Menteri boleh menghendaki mana-mana orang berhubung dengan mana suatu waran telah dikeluarkan di bawah ceraian (2) dari bab 2 untuk menyimpan di tempat tersebut sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri jaminan wang tunai atau harta alih sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri sebagai suatu jaminan bahawa dia akan berada di dalam had-had yang ditentukan oleh waran tersebut selama tempoh yang ditentukan oleh waran tersebut, bahawa dia akan mematuhi syarat-syarat dalam mana waran sedemikian telah di berikan, dan bahawa, jika kebenaran diberi untuk meninggalkan had-had tersebut oleh seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri bagi maksud itu, dia hendaklah mematuhi syarat-syarat dalam mana kebenaran sedemikian diberikan, dan jika jaminan sedemikian dengan apa jua cara dilanggar maka jaminan tersebut hendaklah dilucutkan kepada Kerajaan : Dengan syarat bahawa Menteri boleh atas budibicaranya mengurangkan jumlah jaminan tersebut dan boleh mengembalikan keseluruhan atau sebahagian daripada jaminan tersebut kepada penyimpannya.

Kuasa
Menteri
untuk
memerintah-
kan
jaminan
bagi
mematuhi
syarat-syarat

(2) Sesiapa jua yang terkilan oleh sesuatu perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah bab ini boleh merayu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat yang mana keputusan baginda adalah muktamad. Dengan syarat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh menolak untuk melayan mana-mana rayuan sedemikian sehingga sebarang jaminan yang telah diperolehi oleh Menteri telah pun disimpan dengan sempurnanya.

JADUAL

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Akta Orang-Orang Yang Derhaka dan Berbahaya, Penggal 111, Bab 2 (1)

Kepada Pesuruhjaya Polis dan semua Pegawai-Pegawai Polis yang lain :

Bahawasanya telah dinyatakan kepada saya secara keterangan bertulis bahawa ada terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa sekatan kepada sesebuah kawasan dalam Negara Brunei Darussalam bagi (*nama*) adalah perlu untuk keamanan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam :

Ini adalah untuk mengarahkan Pesuruhjaya Polis dan semua Pegawai-Pegawai Polis yang lain untuk menangkap
..... dan membawanya ke hadapan saya dengan seberapa segera yang mungkin.

Ditandatangani oleh saya pada haribulan
..... 19

Menteri